Selain daripada cabaran-cabaran di atas, peningkatan kepada penjanaan sisa pepejal juga perlu diberi perhatian supaya kesejahteraan penduduk dapat dijamin. Pada masa ini, penduduk Malaysia menjana secara purata 1.64 kilogram sisa pepejal seorang sehari berbanding dengan 1.2 kilogram sehari yang dijana secara purata oleh penduduk dunia.

Dari aspek alam sekitar, suhu di Malaysia telah meningkat sebanyak 0.180 darjah celsius setiap dekad sejak tahun 1951. Manakala fenomena kenaikan paras air laut juga merupakan satu cabaran baru bagi penduduk di Malaysia. Ini kerana kebanyakan bandar-bandar di Malaysia terletak di tepi pantai atau berhampiran dengan pantai dan kuala sungai.



Kawasan Rehat dan Rawat, Tokyo, Jepun

## 2.3 Rumusan

Perkembangan bandar perlu dirancang dengan sebaik mungkin selaras dengan perubahan teknologi dan perkembangan ekonomi semasa. Dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi di bandar, fokus perlu diberikan kepada pewujudan kekayaan yang boleh diagihkan secara saksama di kalangan semua lapisan masyarakat. Dalam memastikan bandar-bandar di Malaysia boleh berkembang dengan baik, cabaran-cabaran yang telah dibincangkan merupakan cabaran-cabaran yang perlu diberi perhatian khusus dalam pembentukan DPN2 Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.



## **3.0 KEPERLUAN DASAR PERBANDARAN NEGARA, 2006**



## BAB 3.0:

# KEPERLUAN DASAR PERBANDARAN NEGARA, 2006

### 3.1 Dasar Perbandaran Negara

Dasar Perbandaran Negara, 2006 - 2015 (DPN 2006) telah diluluskan pada tahun 2006. DPN 2006 ini terpakai di kawasan bandar Semenanjung Malaysia dengan memberi tumpuan kepada enam (6) teras utama. Teras ini menggariskan strategi ke arah mewujudkan bandar yang selamat, bersistematis, moden dan menarik.

Teras-teras utama adalah seperti berikut -

- Teras 1 :** Pembangunan Perbandaran yang Efisien dan Mampan;
- Teras 2 :** Pembangunan Ekonomi Bandar Yang Kukuh, Dinamik Dan Berdaya Saing;
- Teras 3 :** Sistem Pengangkutan Bandar Yang Bersepadu Dan Efisien;
- Teras 4 :** Penyediaan Perkhidmatan Bandar, Infrastruktur Dan Utiliti Yang Berkualiti;
- Teras 5 :** Pewujudan Persekutaran Kehidupan Bandar Yang Sejahtera Dan Beridentiti; dan
- Teras 6 :** Tadbir Urus Bandar Yang Efektif

Sebanyak 30 dasar dan 201 langkah pelaksanaan telah digubal yang merangkumi aspek-aspek penting dalam perancangan, pembangunan dan pentadbiran bandar-bandar di negara ini. Dalam melaksanakan dasar, strategi dan langkah dalam DPN 2006 sejak tahun 2006, beberapa masalah telah dikenalpasti iaitu -

- i. Agensi *custodian* DPN 2006 tidak jelas;
- ii. Tiada panduan atau kajian khusus terhadap mekanisme pelaksanaan DPN 2006;
- iii. Kurang keupayaan kewangan untuk melaksanakan DPN 2006;
- iv. Kekangan perundangan bagi agensi pelaksana;
- v. Tenaga pakar, sumber manusia dan teknologi yang terhad;
- vi. Agensi pelaksana mempunyai program masing-masing;
- vii. Kurang penglibatan dan kesedaran orang awam; dan
- viii. Halangan fizikal, contohnya penawaran tanah dalam bandar sangat terhad.



Dalam tempoh pelaksanaan 2006-2015, DPN 2006 telah berjaya melaksanakan 32 langkah, manakala 46 langkah lagi masih dalam pelaksanaan.

Hasil pelaksanaan DPN 2006 yang utama adalah seperti berikut -



- i. Mewujudkan Garis Panduan Proses Permohonan Perancangan dan Pembangunan;
- ii. Menubuhkan Pusat Setempat (One Stop Center - OSC) di seluruh negara dan ditempatkan di PBT bagi memudahkan cara permohonan kebenaran merancang di bawah Akta 172; dan
- iii. Mewujudkan Sistem Maklumat Bandar melalui Kajian Profil Bandar (KPB) 2009 dan KPB2 (2013) yang merangkumi 249 buah bandar.

Setelah sembilan (9) tahun DPN 2006 dilaksanakan dan tempoh perancangan telah tamat iaitu tahun 2015, maka DPN 2006 telah disemak semula bagi menghasilkan DPN2.

### 3.2 Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)

Dasar Perbandaran Negara Kedua, 2016 - 2025 (DPN2) disediakan bagi meneruskan langkah-langkah DPN 2006 yang masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. DPN2 telah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Dasar-dasar terkini Kerajaan Persekutuan dan Negeri;
- ii. Isu-isu perbandaran semasa;
- iii. Wawasan Negara;
- iv. Rancangan Malaysia Ke-11; dan
- v. Dasar-dasar dan polisi-polisi luar negara yang disediakan seperti *Eco2 Cities*, *COP15 Copenhagen*, *The Sustainable Development Goals (SDGs)*, *The Global Competitiveness Report* dan lain-lain yang berkaitan. (Rujuk Rajah 3.1 dan 3.2).



**Rajah 3.1: Dasar Dan Polisi Yang Diambilkira Dalam Pembentukan DPN2**

**Rajah 3.2: Matlamat Ke-11: Sustainable Development Goals (SDGs)**

**MATLAMAT KE- 11 - SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS ( SDGs )**

**MEMASTIKAN BANDAR-BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA YANG INKLUSIF,  
SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN**

1. Memastikan akses untuk semua bagi aspek perumahan yang mencukupi, selamat, berpatutan dan dilengkapi dengan perkhidmatan asas.
2. Menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, murah, mudah dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya mengembangkan perkhidmatan pengangkutan awam, dengan perhatian khusus kepada keperluan bagi golongan lemah, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan orang tua.
3. Meningkatkan aspek perbandaran yang inklusif dan mampan dan keupayaan untuk penyertaan, integrasi dan perancangan serta pengurusan mampan bagi petempatan manusia di semua negara.
4. Mengukuhkan usaha untuk melindungi dan menjaga warisan budaya dan warisan semulajadi di dunia.
5. Mengurangkan jumlah kematian, bilangan orang yang terjejas dan kerugian ekonomi relatif terus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana yang berkaitan dengan air dan tumpuan perlindungan kepada orang miskin serta orang yang terjejas.

Sumber: United Nations - Universal Sustainable Development Goals, 2015



Taman Tasik Taiping, Perak

Pernyataan Dasar DPN2 ialah -

## PERNYATAAN DASAR

Memandu Dan Menyelaras Perancangan Dan Pembangunan  
Perbandaran Yang Mampan Dengan Penekanan Terhadap Keseimbangan  
Pembangunan **Fizikal, Alam Sekitar, Sosial** Dan **Ekonomi Negara**

Suruhanjaya Dunia mengenai alam sekitar dalam Laporan Brundtland, 1987 mendefinisikan pembangunan mampan sebagai “pembangunan yang membolehkan generasi semasa memenuhi keperluannya tanpa mengabaikan keperluan generasi akan datang dalam memenuhi keperluan mereka”.

Mampan dalam DPN2 meliputi aspek fizikal, alam sekitar, sosial dan juga ekonomi. Bandar Mampan yang dimaksudkan ialah pembangunan fizikal sesebuah bandar yang dilaksanakan secara optimum berdasarkan kepada keperluan penduduknya tanpa mengabaikan aspek kawalan alam sekitar yang mana faedah dari pembangunan dan perkembangan ekonomi bandar tersebut dapat dirasai oleh semua golongan masyarakat termasuk golongan kanak-kanak, golongan belia, warga emas dan juga orang kurang upaya (OKU) yang hidup dalam suasana yang harmoni dan bersatu padu.



KL Sentral, Kuala Lumpur

Hasil persetujuan antara agensi pelaksana, agensi sokongan dan agensi pemantau, maka jelaslah agensi-agensi ini akan mengemukakan senarai semak untuk dimasukkan sebagai tugas rasmi agensi masing-masing dan yang perlu diluluskan oleh pihak yang berwajib. Ini penting bagi memastikan keupayaan kewangan dan tadbir urus yang baik dapat diamalkan (Prinsip 1) agar DPN2 berjaya dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat dan tidak mengulangi kelemahan pelaksanaan yang terdahulu. Penerangan terperinci mengenai Visi dan lima (5) prinsip DPN2 dijelaskan dalam Bab 4.0 dan 5.0 yang mana visi dan prinsip tersebut akan dijadikan sebagai kerangka perbandaran di Malaysia.

## CARA-CARA PENGGUNAAN DPN2

**1** Setiap agensi yang terlibat perlu merujuk kepada DPN2 untuk definisi bandar dan menggunakan konsep had sempadan bandar dalam menentukan pembangunan di bandar masing-masing;

**2** Agensi pemantau, agensi pelaksana dan agensi sokongan perlu merujuk kepada semua tindakan yang telah ditetapkan di dalam setiap prinsip bagi memudahkan pelaksanaan di bandar masing-masing;

**3** Setiap PBT boleh menyemak hierarki bandar masing-masing di Pelan Hierarki Bandar bagi setiap negeri yang mana hierarki bandar tersebut berdasarkan unjuran penduduk pada tahun 2025.

## 4.0 VISI DAN PRINSIP DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA



## BAB 4.0:

# VISI DAN PRINSIP

## DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA

Visi DPN2 adalah seperti berikut -

### VISI

#### **Bandar Yang Mampan Untuk Kesejahteraan Rakyat**

Bagi mencapai visi ini, lima (5) prinsip telah digariskan untuk membentuk strategi dan tindakan-tindakan yang akan diambil. Prinsip-prinsip ini adalah penting bagi memastikan semua agensi dan organisasi yang terlibat di dalam melaksanakan DPN2 ini memahami hala tuju DPN2.

Lima (5) prinsip utama DPN2 adalah -

**PRINSIP 1: Tadbir Urus Bandar Yang Baik**

**PRINSIP 2: Bandar Yang Berdaya Huni**

**PRINSIP 3: Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing**

**PRINSIP 4: Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama**

**PRINSIP 5: Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih**

DPN2 mempunyai 113 tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mencapai 62 strategi dan 36 objektif. DPN2 ini juga mengandungi indikator serta pengukuran bagi setiap tindakan untuk menilai pencapaianya.

Bagi setiap prinsip, objektif dan strategi dibentuk serta diperincikan dengan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan berdasarkan keutamaan. Ini dijangka akan memudahkan agensi pelaksana melaksanakan tindakan-tindakan yang dicadangkan.

**Rajah 4.1: Ringkasan Bilangan Prinsip, Objektif, Strategi dan Tindakan Dalam DPN2**



## CIRI-CIRI TADBIR URUS BANDAR YANG BAIK

- i. Berasaskan prinsip agama;
- ii. Kejujuran dan keikhlasan;
- iii. Semangat bekerjasama;
- iv. Bijaksana dan berwawasan;
- v. Berorientasikan pihak berkepentingan;
- vi. Bertanggungjawab;
- vii. Berpengetahuan dan mahir berkommunikasi;
- viii. Responsif;
- ix. Saksama dan inklusif;
- x. Efektif dan efisien;
- xi. Mematuhi undang-undang; dan
- xii. Berintegriti dan telus

## OBJKTIF-OBJKTIF

- i. Pelaksanaan DPN2 Secara Efektif;
- ii. Penentuan Sempadan Bandar;
- iii. Penerapan Nilai-Nilai Akauntabiliti Dan Integriti Di Dalam Perancangan, Pembangunan Dan Pengurusan Bandar Ke Arah Pembangunan Mampan;
- iv. Pengurusan Aset Secara Efisien Dan Sistematik
- v. Penglibatan Masyarakat Dalam Projek Dan Program Pembangunan;
- vi. Pengukuhan Komunikasi Dan Kerjasama Yang Bersepadu Di Kalangan Semua Agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, PBT Dan Badan Berkunun;
- vii. Pelaksanaan Program LA21 Dan Inisiatif Mampan Yang Lebih Efektif; dan
- viii. Pemerkasaan PBT Dari Aspek Fizikal Dan Penyampaian Perkhidmatan.

## 4.1 Prinsip 1: Tadbir Urus Bandar Yang Baik

Tadbir urus bandar yang baik adalah pra-syarat kepada perwujudan bandar yang berdaya huni, selamat dan berdaya saing. Kecekapan perkhidmatan yang disediakan menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang sihat di sesebuah bandar. Tadbir urus bandar yang baik akan memastikan penggunaan sumber di sesebuah bandar digunakan secara optimum dan berkesan, di samping memberi perkhidmatan bandar yang cepat dan efisien.

PBT sebagai agensi utama bertanggungjawab ke atas perancangan, pembangunan dan pengurusan bandar hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaiannya supaya selari dengan kehendak komuniti. PBT perlu sentiasa mengadakan kerjasama yang berterusan dengan komuniti agar pandangan mereka mudah disampaikan dan dibincangkan untuk kesejahteraan mereka.



Bangunan Perdana Putra, Putrajaya

## 4.2 Prinsip 2: Bandar Yang Berdaya Huni

Jumlah penduduk di bandar-bandar yang semakin meningkat menyebabkan kerajaan perlu merancang agar setiap bandar berkeadaan selesa, aman dan lengkap dengan kemudahan komuniti seperti klinik, sekolah, dewan orang ramai serta persekitaran yang selamat. Selain itu, dalam keadaan dunia tanpa sempadan pada masa ini, sesebuah bandar hendaklah dilengkapi dengan kemudahan telekomunikasi yang terkini bagi membolehkan kegiatan ekonomi mahupun sosial dapat dilaksanakan dengan mudah dan cepat.

Bandar yang dilengkapi dengan kemudahan asas, infrastruktur, sistem pengangkutan yang baik, kejiranan yang selesa, keselamatan yang terjamin dan persekitaran yang bersih adalah sebuah bandar yang berdaya huni. Sehubungan itu, Pihak Berkusa Negeri, PBT dan agensi yang terlibat perlu mengambil tindakan yang wajar ke arah membekalkan kediaman yang mampu dimiliki oleh semua lapisan rakyat dan penyediaan aktiviti kejiranan yang sesuai ke arah membentuk masyarakat yang sihat dan bersatu padu.

### CIRI-CIRI BANDAR YANG BERDAYA HUNI

- i. *Lengkap;*
- ii. *Selamat;*
- iii. *Mampu tanggung;*
- iv. *Beridentiti dan menarik;*
- v. *Sihat;*
- vi. *Integrasi sosial; dan*
- vii. *Berdaya tahan*

### OBJKTIF-OBJKTIF

- i. *Penyediaan Rumah Mampu Milik Yang Mencukupi, Berkualiti Dan Komprehensif Untuk Semua Lapisan Masyarakat;*
- ii. *Tangani Peningkatan Kos Sara Hidup;*
- iii. *Pemerkasaan Sistem Pengangkutan Awam Yang Komprehensif, Mampan, Bersepadu, Efisien Dan Mampu Tanggung;*
- iv. *Perkhidmatan Infrastruktur, Utiliti Dan Kemudahan Perbandaran Yang Efisien Dan Bersepadu;*
- v. *Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Yang Selamat Dan Beridentiti;*
- vi. *Peningkatan Gaya Hidup Sihat Dan Rendah Karbon;*
- vii. *Akses Yang Menyeluruh Kepada Kemudahan Kesihatan Yang Berkualiti;*
- viii. *Masyarakat Bandar Yang Bersatu Padu, Penyayang Dan Prihatin;*
- ix. *Persekitaran Bandar Yang Selamat; dan*
- x. *Pengurusan Risiko Bencana Yang Komprehensif.*



Taman Tema Air, KLCC



Sekolah Kebangsaan Karak, Pahang      Masjid Jamek Karak, Pahang

## CIRI-CIRI EKONOMI BANDAR YANG BERDAYA SAING

- i. Menarik pelaburan;
- ii. Produktif;
- iii. Pemusatkan ekonomi;
- iv. Pembangunan modal insan;
- v. Aglomerasi; dan
- vi. Inovatif dan penyelidikan berterusan

## OBJEKTIF-OBJEKTIF

- i. Peningkatan Daya Saing Dan Kepadatan Ekonomi Bandar;
- ii. Peningkatan Produktiviti Modal Insan;
- iii. Penyediaan Sistem Komunikasi Yang Cekap dan Efektif;
- iv. Penggunaan Tanah Wakaf, Tanah Rizab Melayu Dan Tanah Adat Dalam Bandar Yang Optimum;
- v. Pengintegrasian Perancangan Pembangunan Kampung Dalam Bandar; dan
- vi. Penggunaan Kawasan "Brownfield" Yang Optimum.

### 4.3 Prinsip 3: Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing

Bandar memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Pada masa ini, bandar bukan sahaja perlu berdaya huni tetapi juga perlu berdaya saing iaitu berupaya menarik pelaburan asing. Bandar yang berdaya saing perlu mampu meningkatkan keupayaan dan kedudukannya sebagai sebuah lokasi pelaburan strategik yang mempunyai keberkesanan kos bagi menggalak dan membantu membangunkan firma-firma yang berdaya saing. Keadaan ini akan meningkatkan prestasi yang baik daripada segi faedah ekonomi.

Bandar yang berdaya saing juga boleh menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan firma dan institusi yang dapat meningkatkan produktiviti negara, di samping mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan. Sehubungan itu, agensi berkaitan dan PBT hendaklah memastikan bandar-bandar di Malaysia dilengkapi dengan teknologi terkini dan kemudahan logistik yang efektif.



Maybank, Jalan Tun H.S Lee

#### 4.4 Prinsip 4: Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama

Inklusif bermaksud semua usaha pembangunan boleh dinikmati oleh semua lapisan masyarakat iaitu dari segi umur, etnik, jantina, status sosio-ekonomi, taraf pendidikan dan agama. Manakala saksama pula merujuk kepada keadaan yang mana semua lapisan masyarakat mempunyai hak dan peluang yang sama untuk melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi mahupun pembangunan fizikal dan sosial.

Penduduk tanpa mengira lokasi dan kedudukan sosio-ekonomi hendaklah berpeluang menikmati akses yang saksama kepada infrastruktur dan kemudahan asas. Ini akan melahirkan masyarakat yang lebih progresif dan inklusif seiring dengan semangat 1Malaysia.

#### CIRI-CIRI PEMBANGUNAN BANDAR YANG INKLUSIF DAN SAKSAMA

- i. *Semua golongan dan lapisan masyarakat mempunyai hak, peluang dan faedah yang sama dalam mendapatkan kemudahan pendidikan, kesihatan dan lain-lain kemudahan sosial;*
- ii. *Faedah pembangunan ekonomi diagihkan secara saksama kepada semua lapisan masyarakat; dan*
- iii. *Pembangunan fizikal yang menyeluruh dan saksama bagi setiap golongan masyarakat.*

#### OBJEKTIF-OBJEKTIF

- i. *Tumpuan Program Yang Khusus Untuk Kebajikan Isi Rumah B40;*
- ii. *Peningkatan Pendapatan Isi Rumah B40;*
- iii. *Penglibatan Bumiputera Dalam Pembangunan Ekonomi;*
- iv. *Peningkatan Keupayaan Golongan Belia Untuk Menyumbang Dan Menerima Faedah Pembangunan Bandar; dan*
- v. *Penyediaan Keperluan Golongan Warga Emas Dan Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Pembangunan Bandar Yang Pelbagai.*



## CIRI-CIRI PEMBANGUNAN HIJAU DAN PERSEKITARAN BERSIH

- i. Penggunaan teknologi hijau dalam pengurusan sumber;
- ii. Pengurusan alam sekitar dan sisa pepejal yang mampan; dan
- iii. Penyediaan persekitaran kejiranan yang selamat, bersih dan selesa dengan gaya hidup rendah karbon.

## OBJEKTIF-OBJEKTIF

- i. Penerapan Elemen Hijau Dalam Pembangunan Bandar;
- ii. Penggunaan Tenaga Yang Lebih Efisien Dan Mampan;
- iii. Peningkatan Kualiti Gaya Hidup Sihat Dan Udara Yang Bersih Dalam Bandar;
- iv. Pengurusan Badan Air Yang Efisien Dan Mampan;
- v. Penambahan Saiz, Kualiti Dan Bilangan Kawasan Lapang;
- vi. Penambahan Saiz Dan Kualiti Kawasan Hijau; dan
- vi. Pengurusan Sisa Pepejal Yang Efektif Bagi Memastikan Bandar Yang Bersih.

## 4.5 Prinsip 5: Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih

Malaysia telah berikrar untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sehingga 45% menjelang 2030. Selaras dengan ini, Putrajaya dan Cyberjaya telah dipilih sebagai pelopor kepada bandar berteknologi hijau di negara ini. Antara inisiatif kerajaan untuk menerapkan pembangunan hijau adalah kewujudan kejiranan hijau yang berfokuskan kepada gaya hidup rendah karbon seperti penggunaan pengangkutan awam, berbasikal, reka bentuk bangunan rendah karbon dan kebun komuniti.

Pembangunan hijau akan memastikan persekitaran yang selesa dan iklim yang sihat, manakala konsep kebun komuniti akan menggalakkan kerjasama yang erat di kalangan penduduk di kejiranan berkaitan. Selain itu, pembangunan hijau akan dapat mengawal penggunaan tenaga yang lebih mampan dan efisien.



Taman Metropolitan, Kepong



## 5.0 KERANGKA PERBANDARAN DI MALAYSIA



## BAB 5.0

# KERANGKA PERBANDARAN DI MALAYSIA

Potensi perkembangan bandar perlu dirancang dengan sebaik mungkin selaras dengan perubahan teknologi dan cabaran globalisasi. Ini adalah untuk memastikan bandar dapat memberi sumbangan yang maksimum kepada pertumbuhan ekonomi negara. Proses perkembangan bandar yang tidak terkawal telah menyebabkan rebakan bandar sehingga sebahagian daripada kawasan pertanian utama dan kawasan sensitif alam sekitar telah dibangunkan sebagai kawasan pembangunan.

Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) telah mengenalpasti enam (6) konurbasi di Malaysia iaitu -

- i. Konurbasi Nasional (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan sebahagian daripada Negeri Selangor termasuklah Daerah Klang, Daerah Petaling, Daerah Gombak, Daerah Hulu Langat, Daerah Kuala Langat serta Daerah Sepang);
- ii. Konurbasi Selatan (sekitar Johor Bahru termasuk Iskandar Puteri, Senai, Kulai, Skudai, Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Pontian, Kota Tinggi, Desaru dan Pengerang);
- iii. Konurbasi Utara (Pulau Pinang dan sebahagian Seberang Perai);
- iv. Konurbasi Timur (sekitar Kuantan - Pekan - Gambang);
- v. Konurbasi Kota Kinabalu (sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, Tuaran, Putatan dan Papar); dan
- vi. Konurbasi Kuching (sekitar Bandaraya Kuching).

12 Zon Promosi Pembangunan (ZPP) di Semenanjung Malaysia, satu (1) di Wilayah Persekutuan Labuan dan empat (4) di Negeri Sabah merupakan kawasan aglomerasi bandar yang mempunyai hubungkait ekonomi yang berpotensi untuk membangun dengan pesat dan memberi fokus ke atas pertambahan penduduk dan pembangunan negeri.

- **Pusat petempatan yang mempunyai hubungkait yang kukuh dari segi aktiviti ekonomi, sosial dan juga pentadbiran;**
- **Mempunyai bilangan penduduk melebihi 10,000 orang dan merupakan pusat pekerjaan utama; dan**
- **Mempunyai kemudahan perbandaran yang mencukupi dan berdaya maju.**

Terdapat 37 Pusat Katalis di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan serta 10 di Negeri Sabah. Pusat Katalis merupakan bandar sederhana dan kecil yang mempunyai lokasi yang strategik bagi memandu pertumbuhan perbandaran kawasan sekitarnya dan berpotensi untuk menjadi hab yang mempunyai fungsi khusus. Pusat Katalis juga merupakan kawasan di luar Konurbasi dan ZPP yang mempunyai fungsi dan kepentingan dalam pembangunan ekonomi tempatan.

Sehubungan itu, bagi memastikan bandar dapat diuruskan dengan baik, DPN2 telah digubal untuk membantu PBT dalam mengurus bandar-bandar di dalam kawasan PBT.

## 5.1 Definisi Bandar

Definisi bandar adalah -

**Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih; atau \*kawasan pembangunan khusus; atau pusat pentadbiran daerah walaupun penduduk kurang daripada 10,000 orang dan sekurang-kurangnya 60% penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.**

### \*Kawasan Pembangunan Khusus:

"Kawasan pembangunan yang tidak diwartakan dan boleh dikenalpasti serta terpisah dari mana-mana kawasan yang diwartakan atau kawasan tepu bina melebihi lima (5) km. Kawasan berkenaan mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang dengan 60% daripada penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian".

Rajah 5.1: Ilustrasi Definisi Bandar



## 5.2 Penentuan Had Sempadan Bandar

Penentuan Had Sempadan Bandar amat penting dalam merancang pertumbuhan perbandaran untuk mengelakkan masalah rebakan bandar (*urban sprawl*) yang akan menyebabkan pembaziran sumber. Had Sempadan Bandar membolehkan PBT menetapkan kawasan yang boleh dibangunkan dan kawasan yang perlu dikekalkan sebagai kawasan hijau.

Sempadan bandar adalah penting bagi memudahkan pentadbiran sesuatu bandar. Oleh itu, dicadangkan supaya setiap rancangan tempatan menggunakan dan mengaplikasikan istilah dan kriteria had pembangunan bandar yang diutarakan dalam DPN2. Bagi bandar-bandar yang telah tersenarai dalam Kajian Profil Bandar (KPB) (2009) dan KPB2 (2013), PBN perlu mengambil tindakan mewartakan sempadan bandar tersebut yang telah dikenalpasti dalam kajian ini.

Terdapat dua (2) konsep Penentuan Had Sempadan Bandar yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di sesebuah bandar iaitu Sempadan Pertumbuhan Bandar / *Urban Growth Boundary* (UGB) dan Sempadan Pembendungan Bandar / *Urban Containment Boundary* (UCB).


### 5.2.1 Sempadan Pertumbuhan Bandar / *Urban Growth Boundary* (UGB)

- UGB yang ditetapkan bagi pembangunan sesuatu bandar sepetimana yang dikenalpasti dalam rancangan pemajuan;
- UGB merupakan satu garisan yang mengelilingi kawasan perbandaran sedia ada untuk menjadi pemisah antara kawasan yang boleh dibangunkan atau tidak;
- Kawasan liputan UGB lebih luas berbanding kawasan pembangunan sedia ada bagi memberi suntikan ekonomi serta mewujudkan bandar yang berdaya saing khususnya untuk bandar kecil dan sederhana.



Bandar Batu Pahat, Johor

**Rajah 5.2: Contoh Pemakaian UGB**



Sumber: Profil Bandar Kedua Negeri Pahang, 2013



Sekolah Kebangsaan Karak, Pahang



Masjid Jamek Karak, Pahang

### 5.2.2 Sempadan Pembendungan Bandar / *Urban Containment Boundary (UCB)*


- UCB merupakan satu garisan yang mengelilingi kawasan perbandaran sedia ada untuk menghadkan pembangunan perbandaran;
- UCB membantu PBT untuk memenuhi beberapa matlamat perancangan seperti -
  - a. Meningkatkan kebolehlaksanaan dan daya maju pengangkutan awam dengan penumpuan pembangunan;
  - b. Menggalakkan pembangunan bercampur;
  - c. Memaksimumkan penggunaan infrastruktur sedia ada dan mengurangkan kos infrastruktur baru;
  - d. Menghidupkan atau menggiatkan pusat bandar;
  - e. Mengelakkan *working land base* (pertanian, luar bandar, hutan, tanah dan sumber lain); dan
  - f. Menentukan kawasan pembangunan masa hadapan.
- Diaplikasikan di kawasan serakan konurbasi yang telah berkembang secara meluas dan tidak efisien serta mengancam kawasan pertanian utama negara dan kawasan sensitif alam sekitar.
- UCB juga digunakan dalam kawasan pembangunan khusus yang dibangunkan berdasarkan spekulasi dan belum digazetkan lagi.
- Kebiasaannya, penentuan UCB boleh menggunakan sempadan pertumbuhan sedia ada untuk mengawal rebakan bandar secara tidak efisien.



Pemandangan di sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur



**Rajah 5.3: Contoh Pemakaian UCB**



Sumber: Profil Bandar Kedua Negeri Pulau Pinang, 2013



Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia, Perda, Pulau Pinang      Ibu Pejabat Polis Daerah, Seberang Perai Tengah

### 5.3 Kriteria Penentuan Had Sempadan Bandar


Penentuan Had Sempadan Bandar adalah amat penting bagi memastikan bandar-bandar di Malaysia berkembang maju secara teratur dan efisien. Sempadan bandar dapat mengurangkan rebakan bandar yang mana telah menimbulkan banyak kesan negatif terhadap alam sekitar. Penetapan UCB dan UGB perlu dikenalpasti dalam Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan di bawah Akta 172.

Berikut merupakan 11 kriteria Penetapan Had Sempadan Bandar iaitu:


**Jadual 5.1: 11 Kriteria Penetapan Had Sempadan Bandar**

NO.	KRITERIA	PENERANGAN
1.	Sempadan Pentadbiran Bandar Sedia Ada	Menentukan sama ada penggunaan UCB atau UGB
2.	Saiz Penduduk	$\geq 10,000$ penduduk/ Pusat Pentadbiran Daerah
3.	Geografi (Contoh: Topografi, Geologi dan lain-lain)	Sungai, bukit atau gunung boleh menjadi sempadan UCB/UGB
4.	Alam Sekitar (Contoh: KSAS, Hutan Simpan, Badan Air dan lain-lain)	Kawasan sensitif alam sekitar perlu diletakkan di luar sempadan UCB/UGB terutama jika berada di luar sempadan bandar sedia ada
5.	Kawasan Tepu Bina	Diambilkira dalam kawasan UCB/UGB. Tepu bina di luar bandar sedia ada boleh dimasukkan dalam sempadan mengikut kesesuaian dan intensiti
6.	Kawasan <i>Brownfield</i> / Tanah Kosong	Jika berada dalam sempadan bandar sedia ada perlu dimasukkan dan dibangunkan
7.	Pembangunan Komited	Dimasukkan dalam sempadan UCB/UGB kerana akan menjadi sebahagian dari kawasan tepu bina
8.	Sempadan Lot	Sempadan perlu mengikuti lot sedia ada untuk memudahkan perancangan dan pembangunan tanah
9.	Jajaran Jalan Utama	Dipertimbangkan jika sesuai sebagai sempadan
10.	Kawasan Yang Berpotensi Dari Segi Ekonomi dan Sosial	Diambilkira untuk perancangan dan perancangan bandar akan datang
11.	Kawasan Yang Berpotensi Dibangunkan Dalam Rancangan Pembangunan	Sebahagian atau keseluruhan kawasan berpotensi boleh dimasukkan dalam UCB/UGB

**Rajah 5.4:** Contoh Penggunaan Had Sempadan Pertumbuhan Bandar



**Rajah 5.5:** Contoh Penggunaan Sempadan Pertumbuhan Bandar (UGB) dan Sempadan Pembendungan Bandar (UCB)




## 5.4 Hierarki Bandar

DPN2 telah mengenalpasti 283 buah bandar di Semenanjung Malaysia (Rajah 5.6) manakala lima (5) buah bandar di Wilayah Persekutuan Labuan (Rajah 5.7). Bandar-bandar ini terbahagi kepada lima (5) peringkat hierarki bandar. Ini adalah berdasarkan kepada unjuran penduduk tahun 2025 seperimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2.

Dari segi fungsi bandar, setiap 288 bandar di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai fungsi umum bandar. Fungsi umum bandar merujuk kepada fungsi asas bandar yang menawarkan kemudahan perniagaan, perumahan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, rekreasi dan sosial kepada penduduk setempat. Pertumbuhan fizikal dan ekonomi di bandar-bandar ini secara umumnya dipacu oleh sektor perniagaan dan perdagangan.

**HIERARKI BANDAR  
DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA**



Bandaraya Johor Bahru, Johor



Lumut, Perak




Wilayah Persekutuan Putrajaya



**Jadual 5.2: Klasifikasi dan Definisi Hierarki Bandar**

NO.	HIERARKI	DEFINISI	SAIZ PENDUDUK
1	Bandar Global	<p>Bandar Global merupakan bandar yang mempunyai kepentingan di dalam sistem ekonomi global. Ia mempunyai kesemua atau sebahagian besar daripada 13 kriteria Bandar Global berikut -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Pelbagai perkhidmatan kewangan antarabangsa terutamanya dalam bidang kewangan, insurans, harta tanah, perbankan, perakuanan dan pemasaran</li> <li>2. Ibu pejabat, syarikat-syarikat multinasional</li> <li>3. Kewujudan ibu pejabat kewangan, bursa saham dan institusi kewangan utama</li> <li>4. Mendominasi perdagangan dan ekonomi kawasan sekitar yang menjangkau wilayah</li> <li>5. Pusat pembuatan utama dengan kemudahan pelaburan</li> <li>6. Lokasi membuat keputusan penting yang memberi impak kepada negara dan dunia</li> <li>7. Pusat idea-idea baru dan inovasi dalam perniagaan, ekonomi, budaya dan politik</li> <li>8. Pusat media dan komunikasi untuk rangkaian global</li> <li>9. Pengaruh terhadap negara yang memberi kesan signifikan di peringkat antarabangsa</li> <li>10. Peratusan penduduk yang tinggi bekerja dalam sektor-sektor perkhidmatan dan maklumat</li> <li>11. Institusi pendidikan yang berkualiti tinggi termasuk universiti terkenal, kehadiran pelajar antarabangsa dan kemudahan penyelidikan</li> <li>12. Infrastruktur pelbagai fungsi menawarkan beberapa kemudahan dan perkhidmatan undang-undang, perubatan dan hiburan yang terbaik di dalam negara</li> <li>13. Perhubungan laut dan udara antarabangsa yang meluas</li> </ul>	>3.5 Juta Penduduk (untuk keseluruhan konurbasi)
2	Bandar Wilayah	Bandar Wilayah merupakan sebuah ibu negeri yang mempunyai pengaruh ekonomi dan pentadbiran yang melepas sempadan wilayah dan negara. Ia mempunyai pengaruh ekonomi ke kawasan wilayah antarabangsa melebihi ibu negeri yang lain. Ia menepati beberapa kriteria Bandar Global seperti kriteria 1,2,4,5,7,9,10,11,12 dan 13.	>1.5 - 3.5 Juta Penduduk (untuk keseluruhan konurbasi)
3	Bandar Negeri	Bandar Negeri merupakan ibu Negeri bagi setiap negeri yang tidak termasuk dalam kategori Bandar Global dan Bandar Wilayah. Fungsi utama bandar ini adalah sebagai pusat pentadbiran negeri dan juga sebagai pusat pertumbuhan ekonomi utama negeri. Tiada saiz minimum populasi ditetapkan untuk Bandar Negeri.	Tiada saiz penduduk minimum
4	Bandar Utama	Bandar Utama adalah bandar-bandar lain yang berperanan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang signifikan dalam sesebuah negeri. Saiz minimum adalah 100,000 orang penduduk.	>100,000 Penduduk
5	Bandar Tempatan	Bandar Tempatan adalah bandar yang memberi perkhidmatan perniagaan dan/atau pentadbiran kepada kawasan yang lebih kecil berbanding Bandar Utama. Saiz populasi adalah antara 10,000 hingga 100,000 orang penduduk. Bandar pentadbiran daerah yang mempunyai penduduk kurang 10,000 adalah termasuk di bawah kategori ini.	10,000 - 100,000 Penduduk dan Pusat Pentadbiran Daerah (Jika kurang dari 10,000)



Rajah 5.6: Pelan Hierarki Bandar di Semenanjung Malaysia

#### PETUNJUK:

##### HIERARKI PETEMPATAN

- Bandar Global
- Bandar Wilayah
- Bandar Negeri
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

##### GUNA TANAH


- Kawasan Tepu Bina Sedia Ada
- Kawasan Aset Ekologi dan Jelapang Padi
- Kawasan Tanaman Komoditi Utama
- Kawasan Lain-lain Pertanian
- Badan Air

##### KAWASAN PERTUMBUHAN

- Konurbasi
- Zon Promosi Pembangunan

##### PENGANGKUTAN

- Lapangan Terbang
- Pelabuhan
- Jalan Raya
- Laluan Rel Berkembar
- Laluan KTM Pelabuhan Klang - Serendah
- Cadangan Landasan Kereta Api Berkelajuan Tinggi
- Cadangan Landasan Kereta Api Tumpat - Lembah Klang
- Sempadan Antarabangsa



**Rajah 5.7: Pelan Hierarki Bandar Wilayah Persekutuan Labuan**

**PETUNJUK:**

**HIERARKI PETEMPATAN**

- Bandar Wilayah
- Bandar Tempatan

**KAWASAN PERTUMBUHAN**

- Zon Promosi Pembangunan (ZPP)
- Tepu Bina Sedia Ada
- Tepu Bina Masa Hadapan

**KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN**

- Hutan
- Badan Air

**KAWASAN PERTANIAN**

- Tanaman Komoditi

**LAIN-LAIN**

- Pelabuhan
- Terminal
- Lapangan Terbang
- Jalan Raya
- Cadangan Jambatan
- Laluan Feri
- Sempadan Wilayah Persekutuan Labuan


**INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR WP LABUAN**

Bandar Wilayah

1

Bandar Tempatan

4



**Rajah 5.8: Pelan Hierarki Bandar Negeri Perlis**

**PETUNJUK:**

**HIERARKI PETEMPATAN**

- Bandar Negeri
- Bandar Tempatan

**KAWASAN PERTUMBUHAN**

- Zon Promosi Pembangunan
- Tepu Bina Sedia Ada
- Tepu Bina Masa Hadapan
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)

**KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN**

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

**KAWASAN PERTANIAN**


- Jelapang Padi Negara
- Tanaman padi di Luar
- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

**LAIN-LAIN**

- Terminal
- Jalan Raya
- ~ Lebuhraya Sedia Ada
- ... Laluan Feri

**INFO RINGKAS  
HIERARKI BANDAR  
NEGERI PERLIS**

- |                        |          |
|------------------------|----------|
| <b>Bandar Negeri</b>   | <b>1</b> |
| <b>Bandar Tempatan</b> | <b>6</b> |



**Rajah 5.9: Pelan Hierarki Bandar Negeri Kedah**

**PETUNJUK:**

**HIERARKI PETEMPATAN**

- Bandar Negeri
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

**KAWASAN PERTUMBUHAN**

- Zon Promosi Pembangunan
- Tepu Bina Sedia Ada
- Tepu Bina Masa Hadapan
- Koridor & Hub Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)

**KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN LAIN-LAIN**

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

**KAWASAN PERTANIAN**

- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Padi di Luar
- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

- Terminal
- ✚ Lapangan Terbang
- ~~ Jalan Raya
- ~ Lebuhraya Sedia Ada
- ~\*~ Jalan Cadangan
- Laluan Feri

**INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR NEGERI KEDAH**

- |                 |    |
|-----------------|----|
| Bandar Negeri   | 1  |
| Bandar Utama    | 2  |
| Bandar Tempatan | 24 |



Rajah 5.10: Pelan Hierarki Bandar Negeri Pulau Pinang

#### PETUNJUK:

##### HIERARKI PETEMPATAN    KAWASAN PERTUMBUHAN

- Bandar Wilayah
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

##### KAWASAN PERTANIAN

- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

##### KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

##### LAIN-LAIN

- ✓ Pelabuhan
- ✚ Lapangan Terbang
- ~~~~ Jalan Raya Sedia Ada
- ~~~~ Lebuhraya Sedia Ada
- ~~~~ Terowong Cadangan
- ~~~~ Laluan Feri

#### INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR NEGERI PULAU PINANG

Bandar Wilayah	1
Bandar Utama	7
Bandar Tempatan	31



**Rajah 5.11: Pelan Hierarki Bandar Negeri Perak**

#### PETUNJUK:

##### HIERARKI PETEMPATAN

- Bandar Negeri
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

##### KAWASAN PERTUMBUHAN

- Zon Promosi Pembangunan
- Tepu Bina Sedia Ada
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Cadangan)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Negeri

##### KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

##### KAWASAN PERTANIAN


- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Padi di Luar
- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

##### LAIN-LAIN

- Terminal
- Jeti Penumpang
- Lapangan Terbang
- Jalan Raya
- Lebuhraya Sedia Ada
- Lebuhraya Cadangan

#### INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR NEGERI PERAK

Bandar Negeri	1
Bandar Utama	5
Bandar Tempatan	24



Rajah 5.12: Pelan Hierarki Bandar Negeri Selangor

#### PETUNJUK:

##### HIERARKI PETEMPATAN

- Bandar Global
- Bandar Negeri
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

##### KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

##### KAWASAN PERTUMBUHAN

- Konurbasi
- Tepu Bina Sedia Ada
- Tepu Bina Masa Hadapan
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Cadangan)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Negeri

##### KAWASAN PERTANIAN


- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

##### LAIN-LAIN

- Pelabuhan
- Terminal
- Jeti Penumpang
- Lapangan Terbang
- Jalan Raya
- Lebuhraya Sedia Ada
- Lebuhraya Cadangan
- Laluan Feri

#### INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR NEGERI SELANGOR

- |                 |    |
|-----------------|----|
| Bandar Negeri   | 1  |
| Bandar Utama    | 17 |
| Bandar Tempatan | 35 |



Rajah 5.13: Pelan Hierarki Bandar Negeri Sembilan

#### PETUNJUK:

##### HIERARKI PETEMPATAN

- Bandar Negeri
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

##### KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

##### KAWASAN PERTUMBUHAN

- Zon Promosi Pembangunan (ZPP)
- Tepu Bina Sedia Ada
- Tepu Bina Masa Hadapan
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Cadangan)

##### KAWASAN PERTANIAN

- Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

##### LAIN-LAIN

- ✓ Terminal
- ~~ Jalan Raya
- ~ Lebuhraya Sedia Ada
- ~ Lebuhraya Cadangan

#### INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR NEGERI SEMBILAN

Bandar Negeri	1
Bandar Utama	1
Bandar Tempatan	13



**Rajah 5.14:** Pelan Hierarki Bandar Negeri Melaka

#### **PETUNJUK:**

#### HIERARKI PETEMPATAN

-  Bandar Negeri
  -  Bandar Utama
  -  Bandar Tempatan

## KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

-  Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
  -  Badan Air
  -  Tapak Warisan Dunia

KAWASAN PERTUMBUHAN

- Zon Promosi Pembangunan
  - Tepu Bina Sedia Ada
  - Tepu Bina Masa Hadapan
  - Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)
  - Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Cadangan)
  - Koridor & Hab Pembangunan Transit Negeri

KAWASAN PERTANIAN

- Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara
  - Tanaman Komoditi

## LAIN-LAIN

-  Pelabuhan
  -  Lapangan Terbang
  -  Jalan Raya
  -  Lebuhraya Sedia Ada
  -  Lebuhraya Cadangan
  -  Laluan Feri

**INFO RINGKAS  
HIERARKI BANDAR  
NEGERI MELAKA**

- Bandar Negeri  
1
  - Bandar Utama  
1
  - Bandar Tempatan  
17



Rajah 5.15: Pelan Hierarki Bandar Negeri Johor

#### PETUNJUK:

##### HIERARKI PETEMPATAN

- Bandar Wilayah
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

##### KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

##### KAWASAN PERTUMBUHAN

- Konurbasi
- Zon Promosi Pembangunan
- Tepu Bina Sedia Ada
- Tepu Bina Masa Hadapan
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Cadangan)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Negeri

##### KAWASAN PERTANIAN


- Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

##### LAIN-LAIN

- Pelabuhan
- Terminal
- Jeti Penumpang
- Lapangan Terbang
- Jalan Raya
- Lebuhraya Sedia Ada
- Lebuhraya Cadangan
- Laluan Feri

#### INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR NEGERI JOHOR

Bandar Negeri	<b>1</b>
Bandar Utama	<b>9</b>
Bandar Tempatan	<b>25</b>



**Rajah 5.16: Pelan Hierarki Bandar Negeri Pahang**

#### PETUNJUK:

##### HIERARKI PETEMPATAN

- Bandar Wilayah
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

##### KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

##### KAWASAN PERTUMBUHAN

- Konurbasi
- Tepu Bina Sedia Ada
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Cadangan)

##### KAWASAN PERTANIAN

- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

##### LAIN-LAIN

- ◆ Pelabuhan
- ✚ Lapangan Terbang
- ~~ Jalan Raya
- ~ Lebuhraya Sedia Ada
- ~ Lebuhraya Cadangan
- ~ Jalan Cadangan
- ~ Laluan Feri

#### INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR NEGERI PAHANG

Bandar Wilayah


1

Bandar Utama

1

Bandar Tempatan

15



Rajah 5.17: Pelan Hierarki Bandar Negeri Terengganu

#### PETUNJUK:

##### HIERARKI PETEMPATAN

- Bandar Negeri
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

##### KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

##### KAWASAN PERTUMBUHAN

- Zon Promosi Pembangunan
- Tepu Bina Sedia Ada
- Tepu Bina Masa Hadapan
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Cadangan)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Negeri

##### KAWASAN PERTANIAN

- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Padi di Luar
- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

##### LAIN-LAIN

- Pelabuhan
- Terminal
- Lapangan Terbang
- Jalan Raya
- Lebuhraya Sedia Ada
- Lebuhraya Cadangan
- Laluan Feri

#### INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR NEGERI TERENGGANU

Bandar Negeri


1

Bandar Utama

2

Bandar Tempatan

13



Rajah 5.18: Pelan Hierarki Bandar Negeri Kelantan

#### PETUNJUK:

##### HIERARKI PETEMPATAN

- Bandar Negeri
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan

##### KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air

##### KAWASAN PERTUMBUHAN

- Zon Promosi Pembangunan
- Tepu Bina Sedia Ada
- Tepu Bina Masa Hadapan
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Cadangan)
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Negeri

##### KAWASAN PERTANIAN

- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Padi di Luar
- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

##### LAIN-LAIN

- Terminal
- Lapangan Terbang
- Jalan Raya
- Lebuhraya Sedia Ada
- Lebuhraya Cadangan

#### INFO RINGKAS HIERARKI BANDAR NEGERI KELANTAN

- |                 |    |
|-----------------|----|
| Bandar Negeri   | 1  |
| Bandar Utama    | 2  |
| Bandar Tempatan | 20 |

## 5.5 Fungsi dan Ciri-Ciri Khas Bandar

Bandar-bandar yang mempunyai fungsi dan ciri-ciri khas (special feature towns) perlu dibangunkan mengikut potensi dan keistimewaan masing-masing (Rujuk Lampiran 2). Terdapat tiga (3) langkah yang perlu dilaksanakan oleh PBN/PBT -

- i. Mengenalpasti bandar-bandar yang mempunyai fungsi dan ciri-ciri khas seperti -
  - a. Bandar Sempadan;
  - b. Bandar Pelancongan;
    - Bandar Pesisiran Pantai;
    - Bandar Tanah Tinggi;
    - *Nature Based/Ecotourism*;
    - Bandar Bersejarah/Warisan;
    - Bandar Diraja
  - c. Bandar Berciri Khas (Special Role Centre);
    - Bandar Aeropolis;
    - Bandar Tentera;
    - Bandar Berteknologi Tinggi/ICT
  - d. Bandar Perindustrian Khas;
  - e. Bandar Pelabuhan; dan
  - f. Bandar Pendidikan
- ii. Membangunkan ekonomi bandar ciri khas mengikut keistimewaan masing-masing dengan menyediakan kemudahan sokongan.
- iii. Merancang dan memulihara zon guna tanah untuk mengekalkan keistimewaan masing-masing.



Bandar Diraja, Kuala Kangsar



## **6.0 OBJEKTIF, STRATEGI DAN TINDAKAN DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA (DPN2)**



## BAB 6.0:

# OBJEKTIF, STRATEGI DAN TINDAKAN DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA (DPN2)

DPN2 digubal mengikut lima (5) prinsip yang telah ditentukan berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan. Prinsip-prinsip DPN2 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan disokong oleh **36 Objektif** serta dilaksanakan melalui **62 Strategi** dan **113 Tindakan** yang akan dilaksanakan dan dipantau oleh agensi-agensi yang telah dikenalpasti.

Lima (5) prinsip untuk pelaksanaan DPN2 berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan ialah -

- 1** Prinsip 1: **TADBIR URUS BANDAR YANG BAIK**  
(Dilaksanakan melalui **8 Objektif** yang disokong oleh **13 Strategi** dan **24 Tindakan**);
- 2** Prinsip 2: **BANDAR YANG BERDAYA HUNI**  
(Dilaksanakan melalui **10 Objektif** yang disokong oleh **22 Strategi** dan **30 Tindakan**);
- 3** Prinsip 3: **EKONOMI BANDAR YANG BERDAYA SAING**  
(Dilaksanakan melalui **6 Objektif** yang disokong oleh **9 Strategi** dan **12 Tindakan**);
- 4** Prinsip 4: **PEMBANGUNAN BANDAR YANG INKLUSIF DAN SAKSAMA**  
(Dilaksanakan melalui **5 Objektif** yang disokong oleh **6 Strategi** dan **8 Tindakan**); dan
- 5** Prinsip 5: **PEMBANGUNAN HIJAU DAN PERSEKITARAN BERSIH**  
(Dilaksanakan melalui **7 Objektif** yang disokong oleh **12 Strategi** dan **39 Tindakan**).





## 6.1 OBJEKTIF, STRATEGI DAN TINDAKAN PRINSIP 1 - **TADBIR URUS BAIK**





<b>OBJEKTIF 1.1</b>	:	Pelaksanaan DPN2 Secara Efektif
<b>STRATEGI 1.1.1</b>	:	Pelaksanaan setiap tindakan yang ditetapkan di dalam DPN2
<b>TINDAKAN 1.1.1.1</b>	:	<b>Mengadakan sebaran DPN2 secara berkala dengan penglibatan agensi pelaksana dan pihak berkepentingan</b>

*Justifikasi: Strategi dan tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap pemahaman “sense of belonging” kepada DPN2 oleh pihak berkepentingan.*

AGENSI PEMANTAU	:	KPKT
AGENSI PELAKSANA	:	JPBD SM
AGENSI SOKONGAN	:	PBT, JPBD Negeri

Indikator Pemantauan (Di Peringkat Bandar)	Bilangan sebaran yang dilaksanakan setiap tahun		
Penilaian Pencapaian	>6	Amat Memuaskan	
	2 - 5	Memuaskan	
	<2	Kurang Memuaskan	
Pemakaian Tindakan Mengikut Hierarki Bandar	1 : Bandar Global 4 : Bandar Utama	2 : Bandar Wilayah 5 : Bandar Tempatan	3 : Bandar Negeri
Tempoh Pelaksanaan	Jangkama Pendek <b>(Tempoh Pemantauan</b>	: 2017 <b>: 2018)</b>	

#### Illustrasi/ Contoh/ Amalan Terbaik



Sumber : [www.townplan.gov.my](http://www.townplan.gov.my)

Publisiti melalui media massa

Publisiti berkenaan DPN2 akan dilaksanakan dengan menggunakan media sosial seperti Laman Web, Facebook, Twitter dan lain-lain. Penggunaan media sosial adalah efektif dan mempunyai jangkauan yang luas kerana 62% pengguna internet di Malaysia mengakses rangkaian media sosial setiap hari.

